

Perakaunan dan Pelaporan Instrumen Kewangan: Kajian Kes Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia

*Norfaiezah Sawandi, Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Fathiyyah Abu Bakar
Muhammad Syahir Abdul Wahab dan Suhaimi Ishak*

Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Universiti Utara
Malaysia, Malaysia

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk meneliti amalan perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di lima negeri di Malaysia. Secara khususnya kajian ini memberikan tumpuan kepada pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan instrumen kewangan dalam laporan kewangan MAIN yang terlibat. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes di mana dua kaedah kutipan data telah digunakan iaitu tinjauan dokumen dan temubual separa berstruktur. Data kajian ini terdiri daripada data sekunder dan data primer. Data sekunder diperoleh daripada semakan yang dibuat ke atas laporan tahunan MAIN bagi tahun kewangan 2016. Data primer pula diperoleh daripada sesi temu bual separa berstruktur yang diadakan dengan dua belas orang responden yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan penyediaan laporan kewangan MAIN berkenaan. Temubual diadakan bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas serta mengesahkan amalan perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan yang diguna pakai dalam penyata kewangan. Hasil kajian ini mendapati wujud ketidak seragaman di kalangan lima MAIN yang dikaji dalam mengukur dan mendedahkan item-item instrumen kewangan. Dapatan kajian juga menunjukkan amalan pendedahan bagi instrumen kewangan juga tidak seragam dan terhad. Diharapkan dapatan kajian ini menjadi input bagi membantu pihak-pihak yang berkepentingan, terutamanya MAIN dan pihak Jabatan Akauntan Negara membangunkan piawaian perakaunan yang bersesuaian bagi MAIN dalam mengaunkan dan melaporkan item-item instrumen kewangan secara lebih tepat dan saksama.

Keywords: *Perakaunan, Pelaporan, Instrumen Kewangan, Majlis Agama Islam Negeri*

PENGENALAN

Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia berperanan untuk mengurus dana zakat, wakaf, dan baitulmal. Pengurusan yang cekap dan berkesan ke atas dana-dana yang mempunyai jumlah aset yang begitu besar adalah penting bagi memastikan dana-dana ini dapat digunakan dan seterusnya memberi kesan atau impak yang signifikan kepada sosio-ekonomi negara secara umum dan kesejahteraan serta kebajikan komuniti Islam di Malaysia secara khusus. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh JAWHAR pada 2018 dan analisis penyata kewangan MAIN, sejumlah RM2.8 billion zakat telah dikutip oleh institusi zakat di seluruh Malaysia pada tahun 2016. Manakala, merujuk kepada statistik yang sama menunjukkan tanah baitulmal yang berpotensi untuk dimajukan adalah berkeluasan 41 ribu hektar dengan nilai sebanyak RM320 juta. Di samping itu, statistik bagi tahun 2013 menunjukkan terdapat

hampir 30 ribu hektar tanah wakaf diseluruh Malaysia [1].

Elemen ketelusan dan akauntabiliti sesebuah MAIN adalah sangat kritikal dalam pengurusan ketiga-tiga dana yang mempunyai jumlah aset yang begitu besar ini bagi memastikan MAIN dapat menjalankan amanahnya dengan cekap dan berkesan. Di antara mekanisme utama yang membolehkan sesebuah organisasi mencapai ketelusan dan memenuhi akauntabiliti kepada pemegang-pemegang taruhnya ialah melalui pelaporan kewangannya yang menunjukkan prestasi serta kedudukan kewangannya. Penerbitan laporan tahunan atau kewangan yang telus dan saksama adalah penting bagi meningkatkan kredibiliti dan membuktikan keupayaan MAIN menguruskan ketiga-tiga dana tersebut, disamping membolehkan pemegang-pemegang taruh mendapatkan maklumat dan gambaran berkenaan kedudukan dan pengurusan dana-dana tersebut.

Corresponding Author: Norfaiezah Sawandi, TISSA-UUM, 604-9287297

Terdapat banyak kajian lepas dibuat ke atas institusi Islam seperti institusi zakat dan MAIN [2][3] namun tidak banyak kajian yang memfokus ke atas amalan dan perakaunan MAIN [4][5][6]. Berkaitan dengan isu tersebut, masih tiada kajian berhubung amalan perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan oleh MAIN dilaksanakan. Justeru, kajian ini cuba meneliti secara terperinci bagaimana MAIN mengaunkan dan melaporkan instrumen kewangan. Secara umumnya, piawai perakaunan yang dibangunkan untuk institusi atau organisasi sektor awam di Malaysia ialah *Malaysia Public Sector Accounting Standard* (MPSAS), di mana terdapat tiga MPSAS untuk instrumen kewangan iaitu MPSAS 28 Pembentangan Instrumen Kewangan, MPSAS 29 Pengiktirafan & Pengukuran Instrumen Kewangan dan MPSAS 30 Pendedahan Instrumen Kewangan. Namun sehingga tahun kewangan 2016, tiada MAIN yang sudah menerima pakai ketiga-tiga piawai ini.

MAIN yang dikaji tertakluk kepada enakmen negeri masing-masing dan menggunakan piawai perakaunan yang berbeza seperti MPERS, PERS pada tahun kajian. Sehubungan dengan itu dijangkakan amalan semasa berkaitan aspek yang dikaji juga akan berbeza. Amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang tidak selaras di kalangan MAIN sedikit sebanyak boleh memberi kesan kepada pengguna laporan kewangan MAIN serta pihak berkepentingan yang lain. Sehingga kini, masih tiada piawai perakaunan yang khusus untuk institusi Islam seperti MAIN. Piawai perakaunan khusus yang mengambilkira keunikan, objektif dan ciri-ciri organisasi seperti MAIN adalah penting bagi membantu MAIN melaporkan prestasi dan kedudukan kewangan dana baitulmal, zakat dan wakaf dengan lebih tepat dan saksama. Pelaporan kewangan ini perlu diselaraskan bagi menambahkan kepercayaan setiap pihak yang berkepentingan, tidak kira di peringkat masyarakat awam, pembuat polisi atau badan penguatkuasaan terhadap akauntabiliti dan ketelusan institusi ini. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi input kepada pihak - pihak seperti MAIN dan Jabatan Akauntan Negara dalam membangunkan piawai perakaunan yang tersendiri untuk institusi seperti MAIN.

SOROTAN KARYA

Instrumen kewangan merujuk kepada sebarang kontrak yang menimbulkan satu aset kewangan bagi satu entiti dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu entiti lain. Secara umumnya, terdapat dua kategori instrumen kewangan, iaitu instrumen kewangan utama seperti tunai,

penghutang, pemiutang dan pelaburan jangka pendek, dan instrumen kewangan derivatif atau sekunder seperti opsi dan kontrak hadapan (*forward contract*) yang nilainya adalah berdasarkan kepada perubahan nilai aset pendasar seperti harga saham atau harga komoditi. Terdapat dua kegunaan utama instrumen derivatif, iaitu untuk penjanaan untung jangka pendek yang bersifat spekulatif atau bagi tujuan lindung nilai. MPSAS 28 Pembentangan Instrumen Kewangan mengkehendaki pihak yang menerbitkan instrumen kewangan untuk mengelaskan instrumen berkenaan, atau sebahagian komponennya, pada titik pengiktirafan sebagai liabiliti kewangan, aset kewangan, atau instrumen ekuiti selaras dengan kandungan utama perjanjian kontrak dan definisi liabiliti kewangan, aset kewangan, atau instrumen ekuiti.

Banyak kajian lepas ke atas instrumen kewangan memfokus kepada sektor berasaskan keuntungan, konteks negara maju, instrumen kewangan berbentuk derivatif dan peranannya dalam pengurusan risiko atau lindung nilai [7][8][9][10][11]. Walaupun terdapat kajian lepas yang mengkaji instrumen kewangan dalam konteks negara membangun [12] dan konteks institusi yang tidak berasaskan keuntungan seperti koperasi [13], masih terlalu sedikit kajian dibuat ke atas perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan dalam sektor atau konteks ini. Daripada itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji amalan perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan oleh MAIN di lima negeri di Malaysia.

Sementara itu, kajian lepas ke atas institusi Islam seperti institusi zakat atau MAIN banyak memfokus kepada aspek berkaitan dengan pengurusan dana zakat [14][15][16] urus tadbir dan prestasi zakat [17], perakaunan dan akauntabiliti zakat [2][3][18][19][20]. Selain daripada itu terdapat beberapa kajian lepas yang memfokus kepada tatacara atau amalan perakaunan hasil dan aset kumpulan wang baitulmal, zakat dan wakaf yang diurus oleh MAIN [21][22][23]. Namun begitu, masih tiada kajian dijalankan bagi melihat amalan perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan oleh MAIN di Malaysia. Justeru, kajian ini cuba meneliti secara terperinci bagaimana MAIN yang dikaji mengaunkan dan melaporkan instrumen kewangan dalam penyata kewangan mereka.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana pengumpulan data dibuat melalui temu bual separa berstruktur dengan responden yang dikenalpasti, pemerhatian dan penelitian ke atas data-data sekunder, undang-undang dan peraturan

syariah dan sivil di negeri-negeri yang terlibat. Kajian ini melibatkan enam (6) institusi di lima negeri, iaitu MAIN 1, Institusi Zakat 1, MAIN 2, MAIN 3, MAIN 4, dan MAIN 5. Nama sebenar MAIN yang dikaji tidak didedahkan atas asas privasi dan sulit (*privacy and confidential*). Kajian ini dibuat berdasarkan kepada laporan tahunan yang disediakan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016. Penyelidik terlebih dahulu meneliti item-item instrumen kewangan yang terdapat dalam laporan tahunan tersebut bagi melihat gambaran awal tentang amalan perakaunan semasa yang diamalkan oleh setiap MAIN. Selain daripada laporan tahunan, penyelidik juga meneliti brosur, nota penerangan dan pelbagai bahan bercetak lain yang dikeluarkan oleh MAIN terlibat untuk mendapat maklumat lebih lanjut tentang operasi mereka. Namun, untuk meninjau amalan perakaunan instrumen kewangan semasa, tumpuan diberikan kepada laporan tahunan yang telah diaudit, serta temu bual dengan pegawai-pegawai MAIN.

Setelah semakan ke atas laporan tahunan MAIN terlibat dibuat, penyelidik menemui dua belas pegawai-pegawai MAIN terutamanya yang terlibat secara langsung di dalam menyediakan laporan tahunan berkenaan. Penyelidik telah menyediakan dan menghantar senarai soalan-soalan temubual terlebih dahulu kepada MAIN terlibat sebelum sesi temubual bagi memudahkan pihak MAIN membuat persediaan awal. Pada setiap pertemuan, masa temubual yang diambil adalah sekitar satu hingga ke dua jam. Sesi temubual diadakan bagi mendapatkan pengesahan dan penerangan lanjut berkenaan amalan dan tatacara pelaporan item-item instrument kewangan yang dilaporkan di dalam laporan tahunan MAIN terlibat. Setiap perbualan temubual direkodkan oleh penyelidik yang kemudiannya ditukarkan dalam bentuk teks (*transcribing*) untuk tujuan analisa data serta dijadikan rujukan kemudiannya.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan penelitian yang dibuat ke atas laporan kewangan institusi yang dikaji, semua jenis instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaranimbangan MAIN terlibat adalah berbentuk instrumen kewangan utama (*primary*). Tiada instrumen kewangan derivatif dan kompaun yang dilibatkan atau diiktiraf serta tiada aktiviti lindung nilai (*hedging*) atau perakaunan lindung nilai digunakan pakai oleh MAIN terlibat. Instrumen-instrumen kewangan ini ada yang berbentuk semasa seperti penghutang dan bukan semasa seperti pelaburan saham. Terdapat beberapa instrumen kewangan yang unik kepada MAIN tertentu seperti pinjaman jangka pendek dan pinjaman daripada syarikat subsidiari dan wang amanah (yang

dikelaskan sebagai liabiliti). Seperti yang dinyatakan di dalam nota kepada penyata kewangan MAIN 3, wang amanah ini ialah segala bentuk wang yang diwujudkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri terlibat seperti akaun amanah Tawaqquf (lebih zakat yang belum diagihkan), akaun amanah Luqatah, dan akaun amanah Fidyah dan Kaffarah.

Berkenaan kaedah atau polisi pengiktirafan, secara umumnya semua MAIN yang dikaji mengiktiraf instrumen kewangan pada tarikh transaksi berlaku. Sebagai contoh, MAIN 2 akan mengiktiraf aset kewangan (pelaburan am/saham) apabila wang pelaburan dipindahkan kepada institusi atau pihak yang dilabur. Titik pengiktirafan yang sama diguna pakai bagi mengiktiraf penghutang dan pemiutang. Sementara itu, amalan semasa berkenaan tatacara atau kaedah pengukuran awal dan pengukuran seterusnya adalah seperti dalam Jadual 1. Bagi pengiktirafan awal pelaburan saham, kesemua MAIN terlibat menggunakan tatacara atau polisi yang sama iaitu mengiktiraf pada kos.

Namun begitu terdapat perbezaan dalam tatacara atau polisi pengukuran seterusnya instrumen kewangan di antara MAIN yang dikaji. MAIN 1 mengkategorikan pelaburan sahamnya kepada dua kategori iaitu pelaburan saham tersiar harga dan lain-lain pelaburan. Bagi pelaburan saham tersiar harga, kaedah pengukuran yang diguna pakai ialah yang terendah antara kos atau nilai pasaran yang dilaraskan dengan peruntukan rosot nilai. Manakala bagi lain-lain pelaburan kaedah pengukuran seterusnya yang digunakan oleh MAIN 1 ialah kos yang dilaraskan dengan peruntukan rosot nilai. Seperti MAIN 1, MAIN 3 turut mengelaskan pelaburan sahamnya kepada dua kategori iaitu pelaburan saham tersiar harga dan yang tidak tersiar harga. Bagi pelaburan saham yang tersiar harga MAIN 3 menggunakan nilai pasaran setelah dilaraskan dengan rosot nilai atau pengurangan tetap dalam nilai atau penilaian oleh para pengarah. Manakala bagi pelaburan saham yang tidak tersiar harga MAIN 3 menggunakan nilai kos yang dilaraskan dengan rosot nilai.

Kaedah pengukuran seterusnya yang diguna pakai oleh MAIN 4 pula ialah nilai kos yang dilaraskan dengan susut nilai yang bersifat kekal. Berbeza dengan MAIN 2, MAIN 4 yang turut menggunakan nilai kos untuk pengukuran seterusnya bagi pelaburan sahamnya tidak membuat peruntukan rosot nilai. Unikunya, MAIN 4 memdedahkan nilai pasaran pelaburan sahamnya yang tersiar harga di dalam nota kepada penyata kewangannya. Seperti MAIN 4, MAIN 5 menggunakan nilai kos bagi kaedah pengukuran seterusnya bagi pelaburan sahamnya dan tiada peruntukan rosot nilai

dinyatakan. Namun, berdasarkan temubual dengan pegawai-pegawai MAIN 5, terdapat peruntukan rosot nilai dan keuntungan atau kerugian dalam kesetaraan nilai pelaburan.

Bagi penghutang pula, secara umumnya, semua MAIN dikaji kecuali MAIN 3 dan MAIN 5 menggunakan kaedah pengukuran yang sama bagi pengukuran awal dan seterusnya iaitu nilai dijangka boleh direalisasikan yang dilaraskan dengan hutang ragu dan hutang lapuk. Namun begitu untuk MAIN 1, berdasarkan fatwa negeri yang berkenaan, penghutang yang berkaitan dengan aset wakaf khusus tidak boleh dihapuskan sebagai hutang lapuk. Berbeza dengan MAIN yang lain, MAIN 3 walaupun mengguna pakai nilai dijangka boleh direalisasikan tetapi tidak menyatakan sama ada dilaraskan dengan hutang ragu dan hutang lapuk. MAIN 5 pula tidak mendedahkan polisi pengukuran yang diguna pakai, namun menyatakan membuat peruntukan hutang ragu dan hutang lapuk di dalam nota kepada penyata kewangannya. Sementara itu, bagi pemiutang, semua MAIN kecuali MAIN 5, mengguna pakai nilai kos iaitu merujuk kepada nilai saksama atau nilai dipertimbangkan atau nilai setara yang akan dibayar pada masa hadapan. Manakala MAIN 5 tidak menyatakan polisi atau dasar yang diguna pakai bagi pengukuran pemiutang dalam penyata kewangannya.

Sementara itu semakan ke atas penyata kewangan MAIN terlibat menunjukkan wujud amalan pembentangan yang seragam di mana instrumen kewangan diiktraf dipersembahkan dibawah kategori aset bukan semasa, aset semasa, liabiliti jangka panjang dan liabiliti semasa. Namun begitu, daripada segi amalan pendedahan kebanyakan MAIN dikaji mendedahkan (i) polisi pengukuran penghutang, pemiutang dan pelaburan (ii) perincian berkenaan pelaburan saham dan unit amanah, contohnya, kos, nilai pasaran, peruntukan rosot nilai dan institusi atau dana yang dilabur, untung/rugi pelaburan dan (iii) perincian berkenaan penghutang dan pemiutang seperti senarai penghutang dan pemiutang, pelarasan hutang ragu/lapuk. Selain daripada itu, bukti menunjukkan tidak semua MAIN dikaji membuat pendedahan instrumen kewangan mengikut kumpulan wang zakat, baitulmal dan wakaf. Sementara itu amalan pendedahan instrument kewangan mengikut kumpulan wang adalah berbeza dimana MAIN 3 membuat pembentangan di lembaranimbangan, manakala MAIN 2 menyediakan dalam nota kepada akaun dan MAIN 5 hanya membuat pendedahan mengikut kumpulan wang bagi item tunai dan pelaburan dalam nota kepada akaun.

Jadual 1: Pengukuran Awal dan Pengukuran Seterusnya Instrumen Kewangan

Pengukuran Awal dan seterusnya	Negeri 1		Negeri 2	Negeri 3	Negeri 4	Negeri 5
	MAIN 1	Institusi Zakat 1	MAIN 2	MAIN 3	MAIN 4	MAIN 5
1. Pelaburan Saham						
Pengukuran awal	Kos	-	Kos	Kos	Kos	Kos
Pengukuran seterusnya	Tersiar harga: Terendah antara kos@nilai pasaran – Peruntukan rosot nilai Lain-lain Pelaburan = Kos –		Kos – susut nilai bersifat kekal	Tersiar harga: Nilai pasaran (dilaraskan dengan rosot nilai/ pengurangan tetap dlm nilai/penilaian oleh para pengarah) Tak tersiar harga:	Kos & tiada peruntukan rosot nilai	Kos (ada peruntukan rosot nilai dalam kesetaraan nilai pelaburan)

	Peruntukan rosot nilai		Kos – Rosot nilai		
2. Penghutang	Nilai dijangka boleh direalisasi – hutang ragu –*hutang lapuk *kecuali berkaitan dengan aset wakaf khusus	Nilai dijangka boleh direalisasikan – hutang ragu – hutang lapuk	Nilai dijangka boleh direalisasikan	Nilai dijangka boleh direalisasi – hutang ragu – hutang lapuk	Tidak nyatakan polisi
3. Pemiutang	Kos (iaitu nilai saksama/ dipertimbangkan/ setara yang akan dibayar pada masa hadapan)				Tidak nyatakan polisi

KESIMPULAN

Secara amnya, hasil kajian ini mendapati wujud ketidakseragaman di kalangan MAIN yang dikaji dalam mengukur dan mendedahkan item-item instrumen kewangan. Kajian juga mendapati amalan pendedahan instrumen kewangan adalah tidak seragam dari segi jenis, perincian dan cara maklumat didedahkan dalam nota kepada akaun. Walaupun dapatan kajian menunjukkan kesemua MAIN yang dikaji membuat pembentangan dengan mengelaskan instrumen kewangan sebagai liabiliti, aset dan ekuiti, tidak semua MAIN yang dikaji membentangkan aset kewangan, liabiliti kewangan, dan ekuiti mengikut kumpulan wang wakaf, zakat, dan baitulmal. Pembentangan instrumen kewangan mengikut kumpulan wang tertentu dapat memberi gambaran yang jelas tentang kedudukan kewangan setiap kumpulan wang MAIN. Ini juga adalah dapat membantu MAIN membuat pendedahan sepenuhnya secara telus [24] dan menggambarkan keadaan atau nilai sebenar kumpulan-kumpulan wang di bawah pengurusan MAIN.

Terdapat beberapa limitasi kajian ini antaranya, kajian ini hanya memfokus atau menggunakan penyata tahunan 2016 sahaja. Daripada itu kajian akan datang dicadangkan untuk menyemak laporan tahunan untuk beberapa tahun kewangan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh berkenaan amalan perakaunan dan pelaporan instrumen kewangan MAIN. Seterusnya, oleh kerana kajian menggunakan pendekatan kajian kes yang melibatkan enam institusi, dapatan kajian ini tidak sesuai untuk digeneralisasikan kepada MAIN yang tidak terlibat atau kepada organisasi lain.

Walaupun begitu dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat menjadi input kepada pihak-pihak yang berkepentingan seperti MAIN dan Jabatan Akauntan Negara membangunkan piawai perakaunan yang tersendiri untuk institusi seperti MAIN yang dijangkakan dapat membantu organisasi terlibat menghasilkan laporan kewangan yang lebih telus, benar dan saksama.

RUJUKAN

- [1] Mahmood, R., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L.B., & Johari, N. (2017). Pengurusan wakaf di Malaysia: Isu dan cabaran. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*.
- [2] Sawandi, N. Abdul Aziz, N.M. & Saad, R.A.J. (2019). Discharging Accountability: A Case Study of a Zakat Institution in Malaysia *International Journal of Supply Chain Management*, Vol. 8, No. 1, 676-682.
- [3] Sawandi, N., Abdul Aziz N. M. & Saad. R. A. J. (2017). Zakat Accountability Practices: Case Study of Zakat Institution AA, *International Journal of Economic Research*, 14 (16), 223- 232.
- [4] Abdul Ghani, A., Shafie, R., Md. Saleh, M.S., Elham, F., Othman, Z., Naiimi, N., Hamid F.Z. & Ismail. S. (2018). Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 2. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

- [5] Osman, A.Z., Siraj, S.A., Sulaiman, M., Ab. Rashid, H-M., Mohammad, M.H.S. & Che Mohd Salleh., M., (2018). Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 3. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- [6] Md Salleh, M.F., Basnan, N., Ahmad, A., Mohd Harun, A., Wahid, H., & Abdul Wahab, A.B. (2018). Perakaunan dan pelaporan kewangan Islam bagi institusi wakaf, zakat dan baitulmal di Malaysia Fasa 2, Zon 1. Putrajaya: Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
- [7] Deutsch, H.P. & Beinker M.W. (2019). Financial Instruments: A System of Derivatives and Underlyings. In: Derivatives and Internal Models. Finance and Capital Markets Series. Palgrave Macmillan.
- [8] Fargher, N., Sidhu, B.K., Tarca, A. & Zyl, W.Z. (2018). Accounting For Financial Instruments With Characteristics Of Debt And Equity: Finding A Way Forward, Accounting & Finance, vol. 59, No. 1, pp.7-58.
- [9] Leone, M., Manelli, A. & Pace, R. (2018). Commodity Market and Financial Derivative Instruments: Which Variable Determines the Others? Journal of Economics and Development Studies, Vol. 6, No. 3, pp. 67-81.
- [10] Clor - Proell, S., Koonce, K., & White, B. (2016). How Do Experienced Users Evaluate Hybrid Financial Instruments? Journal of Acct & Research, pp. 1267-1296.
- [11] Linnerooth-Bayer, L. & Hochrainer-Stigler, S. (2015). Financial instruments for disaster risk management and climate change, Climatic Change, vol. 133, pp.85-100.
- [12] Tahat, Y., Mardini, G.H. & Power, D.M. (2017), Factors affecting financial instruments disclosure in emerging economies: the case of Jordan. Afro-Asian Journal of Finance and Accounting.
- [13] Alexandra E., Linnios, M., & Watson, J. (2016). Financial instruments and equity structures for raising capital in co-operatives, Journal of Accounting & Organizational Change Vol. 12 No. 1, pp. 50-74
- [14] Saad. R. A. J., Sawandi, N. & Mohammad, R. (2016) Zakat Surplus Funds Management, International Journal of Economics and Financial Issues, 6(S4) 46-54, 2016.
- [15] Raja Adzrin, R. A, Ahmad Marzuki, A. O., & Muhammad Sufiyudin, S., "Assessing the Satisfaction Level of Zakat Recipients towards Zakat Management. Procedia Economics and Finance, 31(2015), 140-151, 2015.
- [16] Abdul Wahab, N. & Abdul Rahman, A. R. (2011), "A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions", Journal of Islamic Accounting and Business Research, 2(1), 43-62.
- [17] Saad. R. A. J., Md Idris, K., Shaari, H., Sawandi, N., & Derashid, C., "Governance of Non-Profit Organizations: A Case of Zakat Institutions in Malaysia", International Journal of Economic Research, 14 (16), 253- 265.
- [18] Saad. R. A. J., Abdul Aziz N. M. & Sawandi, N. (2014). Islamic accountability framework in the zakat funds management. Procedia-Social and Behavioral Sciences 164, 508-515, 2014.
- [19] Syed Adwam Wafa, S.M.G.W. (2010). Harmonization of Conditions of Zakat Accounting into the Accounting Reporting Framework, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [20] Muhammad Akhyar, A. & Nur Barizah, A. B. (2009). Accounting treatment for corporate zakat: a critical review, International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management, 2(1), 32-45.
- [21] Md Salleh, M. F., Basnan, N., Ahmad, N., Harun, A., Wahid, H., & Abdul Wahab, A.B. (2018). Amalan Pengiktirafan Hasil Oleh Institusi Wakaf, Zakat, Dan Baitulmal Di Malaysia. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, Volume 8, pp. 1-22.
- [22] Ku Nor Izah Ku Ismail, Chek Derashid, Fathiyyah Abu Bakar, Norfaiezah Sawandi, Muhammad Syahir Abdul Wahab & Suhaimi Ishak. (2018). Perakaunan bagi Pendapatan dan Agihan Zakat: Kajian ke atas Institusi Zakat di Utara Malaysia. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, Volume 8, pp. 49-72.
- [23] Siraj, S.A., Mohd Salleh, M.C., Sulaiman, M., Osman, A.Z., Abu Talib, N.Y. & Ab. Rashid, H-M. (2018). Pengiktirafan Dan Pengukuran Aset-Aset Di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN): Amalan Dan Cabaran. IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, Volume 8, pp. 23-48.
- [24] Baydoun, N. & Willett, R. (2000). Islamic corporate reports. Abacus, 36(1), pp. 71-90.